



ABDUL JABAR menunjukkan penanda aras di Sungai Damansara yang terletak berhampiran TTDI Jaya, Shah Alam.

kosmo 6/10/06

Bersedia hadapi banjir

Oleh NURULANUAR MANSOR
nurulanuar@kosmo.com.my

SHAH ALAM - Walaupun risiko mengalami kerugian dan kerosakan harta benda akibat air pasang besar mungkin tidak dapat dielak, namun ia tidak menjadi kerisauan kepada penduduk Taman TTDI Jaya dekat sini.

Ini kerana, KOSMO! dimaklumkan, mereka telah membuat persediaan menghadapi ancaman banjir kilat akibat fenomena air pasang besar yang diramal melanda hari ini.

Antara lain, penduduk telah bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan serta melaksanakan inisiatif pemantauan bagi menghadapi apa jua keadaan akibat fenomena itu.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa

Penduduk TTDI Jaya, Abdul Jabar Kassim, pihaknya telah menggunakan khidmat pengawal keselamatan yang akan melakukan pemantauan aras air Sungai Damansara, terutamanya bila hujan lebat.

“Mereka ini akan memaklumkan kepada saya dan jawatankuasa yang lain sekiranya paras air meningkat ke paras bahaya iaitu 6.5 meter.

“Ini adalah langkah sokongan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS) yang kini sentiasa menyelenggarakan sistem amaran banjir di sini sentiasa berfungsi,” jelasnya.

Bagi pesara, Appala Naidu Gauru Naidu, 65, pengalaman banjir kilat yang lalu mengajarnya sentiasa peka dengan tahap paras air sungai di situ.

“Dalam mesyuarat persatuan pendu-

duk yang lalu, kami telah sepakat untuk mengenal pasti dan menandakan rekahan-rekahan di sepanjang tembok penahan banjir di sepanjang sungai.

“Ini akan dapat membantu pihak JPS untuk menjalankan kerja-kerja baik pulih dan menguatkan lagi binaan tembok tersebut,” katanya.

Sementara itu, dalam surat pekeliling yang diedarkan oleh Jawatankuasa Penduduk TTDI Jaya, turut dinyatakan bahawa pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kini sedang giat membersihkan longkang-longkang di taman tersebut.

KOSMO! dimaklumkan, langkah MBSA itu adalah bagi memastikan saluran tersebut akan dapat menyalirkan air hujan dengan baik dan dapat mengawal kadar kenaikan air di kawasan berkenaan.